

Dr M: Lempar najis kerja orang bodoh
Malaysiakini.com
August 27, 2010

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia patut menyuarakan protes terhadap tindakan warga Indonesia melancarkan siri demonstrasi sejak minggu lalu.

Namun, menurut mantan perdana menteri itu, Malaysia tidak boleh bertindak liar seperti yang ditunjukkan dalam protes oleh warga Indonesia di depan kedutaan Malaysia di Jakarta.

Beliau menyifatkan tindakan kumpulan berkenaan yang turut melemparkan najis dan membakar bendera Malaysia itu sebagai perbuatan "orang bodoh"

"Orang ini dia tidak ada pelajaran, dia bodoh. Sebab itu dia buat semacam itu," katanya ketika ditemui wartawan di Masjid Negara hari ini.

"Perkara kecil tapi kita tidak sepatutnya buat semacam itu. Kita tak boleh buat terlalu garang.

"Kita boleh protes tapi tidak boleh buat seperti itu," katanya yang menganjurkan supaya protes dijalankan secara baik.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141280>